# Bapa saudara, teman lelaki rogol pelajar ditahan

OLEH JAINUDIN DJIMIN
jainuddin@newsabahtimes.com.my

**LABUAN: Seorang pelajar perempuan di salah sebuah sekolah menengah di sini didakwa telah dirogol oleh bapa saudara dan teman lelakinya secara berasingan.**

Menurut Ketua Polis Wilayah Persekutuan Labuan, Superitendan Adzhar Othman (gambar), mangsa 13 tahun dirogol oleh bapa saudaranya pada hujung bulan Disember tahun lalu di rumah nenek mangsa di Simpang Molboro Kampung Ganggarak.

Dalam kejadian yang dilaporkan kira-kira jam 11 malam, bapa saudara mangsa telah masuk ke dalam bilik tidur lalu merogol mangsa sekali.

Menurut mangsa, selepas kejadian bapa saudaranya yang juga adik kepada bapa mangsa telah memberi amaran supaya kejadian itu tidak diberi tahu kepada sesiapa.

Bagaimanapun pada sekitar bulan Jun 2016, mangsa mempunyai seorang teman lelaki dan mendakwa telah melakukan hubungan seks beberapa kali secara sukarela.

Ibu mangsa yang mengesyaki anaknya bukan lagi dara telah bertanya kepada mangsa dan mangsa pada mulanya mengaku telah dirogol oleh bapa saudaranya.

Bagaimanapun selepas laporan polis dibuat mangsa turut memberitahu pernah melakukan



punyai koyakan lama.

" Hasil daripada pendedahan itu, polis telah berjaya menangkap kedua-dua suspek secara berasingan" katanya.

Adzhar berkata, suspek pertama (teman lelaki) ditahan di sebuah rumah 0114 Kampung Ganggarak pada Selasa, manakala suspek kedua (Bapa saudara) ditahan pada hari berikutnya di rumahnya di kampung yang sama.

# Bapa saudara, teman lelaki rogol pelajar ditahan

OLEH JAINUDIN DJIMIN
jainuddin@newsabahtimes.com.my

**LABUAN: Seorang pelajar perempuan di salah sebuah sekolah menengah di sini didakwa telah dirogol oleh bapa saudara dan teman lelakinya secara berasingan.**

Menurut Ketua Polis Wilayah Persekutuan Labuan, Superitendan Adzhar Othman (gambar), mangsa 13 tahun dirogol oleh bapa saudaranya pada hujung bulan Disember tahun lalu di rumah nenek mangsa di Simpang Molboro Kampung Ganggarak.

Dalam kejadian yang dilaporkan kira-kira jam 11 malam, bapa saudara mangsa telah masuk ke dalam bilik tidur lalu merogol mangsa sekali.

Menurut mangsa, selepas kejadian bapa saudaranya yang juga adik kepada bapa mangsa telah memberi amaran supaya kejadian itu tidak diberi tahu kepada sesiapa.

Bagaimanapun pada sekitar bulan Jun 2016, mangsa mempunyai seorang teman lelaki dan mendakwa telah melakukan hubungan seks beberapa kali secara sukarela.

Ibu mangsa yang mengesyaki anaknya bukan lagi dara telah bertanya kepada mangsa dan mangsa pada mulanya mengaku telah dirogol oleh bapa saudaranya.

Bagaimanapun selepas laporan polis dibuat mangsa turut memberitahu pernah melakukan hubungan seks beberapa kali secara sukarela dengan teman lelakinya.

Sementara itu, hasil siasatan doktor terhadap mangsa mengesahkan mangsa mempunyai koyakan lama.



"Hasil daripada pendedahan itu, polis telah berjaya menangkap kedua-dua suspek secara berasingan" katanya.

Adzhar berkata, suspek pertama (teman lelaki) ditahan di sebuah rumah 0114 Kampung Ganggarak pada Selasa, manakala suspek kedua (Bapa saudara) ditahan pada hari berikutnya di rumahnya di kampung yang sama.

Kedua-dua suspek iaitu pelajar berumur 17 dan bapa saudaranya yang berumur 30 tahun ditahan reman selama tujuh hari atas kesalahan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan.